

## **PERSEPSI TERHADAP KONSEP RUKUN NEGARA MELALUI PENGAJARAN KURSUS PENGAJIAN MALAYSIA**

Hadijah Johari

Pusat Pengajian Umum,

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'dzam Shah (UniSHAMS), Kedah

Tel : +0175106533 E-mail hadijah@unishams.edu.my

Anas Suzastri Ahmad

Pusat Pengajian Umum,

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kedah

Tel : +0175088870 E-mail suzastri@unishams.edu.my

### **ABSTRAK**

Lima prinsip Rukun Negara menjadi pegangan dan asas penyatuan rakyat berbilang kaum di negara ini selepas tragedi berdarah 13 Mei 1969. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara perlu terus diperkasakan kerana itulah pengikat perpaduan kaum dan wajib diamalkan bagi membina sebuah negara bangsa yang berdaulat dan disegani. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penghayatan Rukun Negara dan cara terbaik yang boleh diambil dalam usaha menghayati Rukun Negara serta mengkaji hubungan antara kefahaman kepentingan Rukun Negara dengan pengajaran Rukun Negara dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'dzam Shah (UniSHAMS). Kajian ini merupakan kajian tinjauan dan data dikumpul melalui soal selidik yang mengandungi 30 item soalan untuk mengukur kepentingan pemahaman Rukun Negara, proses pengajaran Rukun Negara dalam kursus Pengajian Malaysia, penghayatan Rukun Negara dan faktor terbaik mendorong penghayatan Rukun Negara. Seramai 100 orang daripada pelbagai bidang pengajian terlibat dalam kajian ini. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS version 25 bagi mendapatkan kekerapan dan peratus. Dapatkan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepentingan pemahaman Rukun Negara dengan pengajaran Kursus Pengajian Malaysia tetapi kecil ( $r=0.455, p=.000$ ). Pelajar UniSHAMS juga didapati mempunyai tahap penghayatan Rukun Negara agak tinggi ( $\text{min}=5.92.260, \text{sp}=.7070$ ). Dapatkan kajian juga mendapati bahawa pihak kerajaan merupakan komponen utama yang bertanggungjawab memperkasakan semula Rukun Negara yang menjadi pengikat perpaduan kaum ( $\text{min}=6.12, \text{sp}=.924$ ) dan hal ini turut dipersetujui oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim (Mingguan Malaysia, 17 Jun 2018). Hakikatnya keperluan kursus Pengajian Malaysia sebagai salah satu modul wajib Universiti di UniSHAMS membuktikan peranan dan fungsinya yang sangat penting dalam memberikan kesedaran akan kepentingan pemahaman dan penghayatan Rukun Negara demi kelestarian sebuah negara yang kukuh teguh oleh akar ideologinya.

**Kata kunci :** *Rukun Negara, pengajaran dan pembelajaran, Pengajian Malaysia*

### **PENGENALAN**

Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan undang-undang serta Kesopanan dan Kesusilaan ialah lima prinsip Rukun Negara yang diwujudkan sejak 1970. Pembentukan Rukun Negara ini kerana rentetan tragedi hitam 13 Mei 1969 yang berlaku dalam lipatan sejarah perpaduan dan integrasi negara yang dibentuk berdasarkan acuan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum juga agama.

Menurut Ruslan Zainudin (2005) peristiwa 13 Mei 1969 telah membuka mata semua peringkat umur dan kaum di Malaysia akan kepentingan sifat tolak ansur di antara satu sama lain, rasa hormat antara budaya, agama dan latar belakang adat kepercayaan setiap bangsa, etnik dan warna kulit. Akhirnya, semua pihak terpaksa akur bahawa hanya dengan satu pegangan kefahaman nasionalisme yang sama iaitu melalui ideologi nasional (Rukun Negara) semangat perpaduan dan integrasi dapat dipupuk dalam masyarakat majmuk. Ternyata perpaduan amat dititik beratkan oleh setiap kepimpinan negara contohnya Tun Hussien Onn pernah berpesan bahawa “kekuatan sesebuah negara bukanlah dinilai daripada kekuatan tentera dan polis sahaja, tetapi bergantung pada semangat dan jiwa rakyatnya”.

Hakikatnya, Rukun Negara tersebut tidak seharusnya sekadar menjadi perhiasan dibibir atau dihafal untuk ikrar saja tanpa memahami dan mempraktikannya dalam kehidupan seharian sebaliknya, ia perlu dijadikan pegangan hidup bukan sahaja untuk mencapai perpaduan, malah meningkatkan jati diri masyarakat majmuk di negara ini. Memetik kata-kata mantan perdana menteri kedua Malaysia, Tun Abdul Razak Hussein “Rahsia kesempurnaan Rukun Negara adalah dengan amalannya. Tanpa amalan Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna”.

Hal ini, ada kewajarannya kerana kini meskipun sesudah hampir 4 dekat iaitu kira-kira 49 tahun kita mengamalkan Rukun Negara dalam kehidupan seharian tetapi masih lagi timbul isu bahasa negara sehingga dilihat tidak menjunjung keluhuran Perlembagaan sebagai prinsip ketiga Rukun Negara. Malah pada awal Februari 2019 kita juga digemparkan dengan berita penahanan seorang peniaga kerana disyaki menghina Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di laman sosial *Facebook* yang terang-terangan mencemarkan imej prinsip Rukun Negara kedua iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Mengapakah keadaan ini berlaku?

Ternyata apabila berlakunya peningkatan kes-kes yang mencemarkan imej Rukun Negara kebanyakannya berpuncu daripada kurang kefahaman dan penghayatan konsep Rukun Negara. Hal ini, ada dilaporkan oleh Siti Norayu (2014) yang mendakwa bahawa terdapat jurang 47% kurang kefahaman yang kukuh akan kepentingan konsep Rukun Negara dan perkaitan dengan manfaat diri. Justeru, bagi memperkasakan konsep Rukun Negara dalam kalangan pelajar universiti satu kajian telah dilakukan mengenai persepsi, penghayatan dan pemahaman pelajar terhadap konsep Rukun Negara melalui pengajaran kursus Pengajian Malaysia di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS). Kursus Pengajian Malaysia ini merupakan kursus Modul Wajib kepada setiap pelajar pada peringkat universiti sebelum layak bergraduasi. Sehubungan itu, apabila diwajibkan kursus tersebut diharap dapat membantu golongan pelajar untuk lebih mengetahui tentang sejarah Malaysia dan memahaminya dengan lebih mendalam. Persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini ialah sejauhmana tahap pemahaman dan persepsi Rukun Negara dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi. Kajian ini juga akan menjawab persoalan lain yang berkait rapat dengan penghayatan rukun negara dalam kalangan pelajar di UniSHAMS.

## RUKUN NEGARA PAKSI KESTABILAN NASIONAL

Ideologi Rukun Negara terbentuk selepas berlakunya kelompongan dalam ruang-ruang perpaduan negara selepas mencapai kemerdekaan akibat penerimaan tanpa penyatuan antara kaum. Akhirnya, lahirlah Rukun Negara pada tahun 1970 yang membuka lembaran baharu untuk Malaysia ke arah lebih stabil dan matang dalam semua sudut khususnya dalam aspek politik, hubungan etnik dan agama. Justeru, konsep yang terdapat dalam ideologi negara ini harus difahami dan dihayati bagi memupuk semangat perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Bersandarkan lima matlamat utama iaitu mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya, memelihara cara hidup demokratik, mencipta masyarakat adil dengan kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan

saksama, menjamin satu cara liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai corak serta membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden jelas membuktikan bahawa Rukun Negara sangat holistik untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian warga Malaysia yang berdaulat. Apatah lagi didukung dengan lima prinsip utama iaitu kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada Raja dan Negara, keluhuran Perlembagaan; kedaulatan Undang-Undang serta kesopanan dan Kesusahaannya yang sebenarnya merupakan satu falsafah dan ideologi negara yang menjadi tunjang kesatuan, perpaduan bangsa serta pedoman kepada kehidupan semua masyarakat pelbagai kaum dan budaya di negara ini kerana meletakkan kepentingan nasional dalam amalan kenegaraannya dengan identiti yang tersendiri.

### **Dulu Mata Pelajaran Wajib (MPW) kini Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)**

*Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) diperkenalkan dengan menambahbaik struktur Mata Pelajaran Wajib (MPW) agar ianya lebih berstruktur dengan matlamat agar ianya dapat meningkatkan kualiti insan sejarar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Struktur baharu MPU ini, dilihat mampu untuk melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja. (Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU), 2016 ).*

Menyedari hakikat bahawa membina jati diri dan identiti kebangsaan serta melahirkan komuniti yang memiliki semangat patriotisme yang tinggi memerlukan kerjasama semua pihak maka medium pendidikan melalui penawaran Modul Wajib iaitu kursus Pengajian Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan indikator terbaik untuk merealisasikan hasrat murni tersebut. Penambahbaikan telah dilakukan dalam kandungan kursus-kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) ini atau dulunya dikenali sebagai Mata Pelajaran Wajib (MPW) termasuklah kursus Pengajian Malaysia yang hasil pembelajarannya antara lain akan membolehkan pelajar menghuraikan kepelbagaiannya dalam masyarakat, menilai kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme dan membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar (Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU), 2016). Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) turut tidak terkecuali menawarkan kursus Pengajian Malaysia kepada para pelajar pada peringkat Diploma dan Ijazah agar jiwa anak merdeka ini akan subur dengan semangat integrasi dan patriotisme yang tinggi demi menjamin kesejahteraan negara dan menolak kebajetan moral, sosial dan akhlak.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk melihat dan menganalisa persepsi pelajar terhadap konsep Rukun Negara melalui pengajaran Pengajian Malaysia di UniSHAMS. Terdapat tiga objektif kajian iaitu :

1. Mengenalpasti tahap penghayatan Rukun Negara dalam kalangan pelajar UniSHAMS.
2. Mengenalpasti cara terbaik untuk menghayati Rukun Negara.
3. Mengkaji hubungan antara kefahaman kepentingan Rukun Negara dengan pengajaran Rukun Negara dalam kursus Pengajian Malaysia.

### **Soalan Kajian**

1. Apakah tahap penghayatan Rukun Negara dalam kalangan pelajar UniSHAMS ?

2. Apakah cara terbaik untuk menghayati Rukun Negara ?
3. Adakah terdapat hubungan antara kefahaman kepentingan Rukun Negara dengan pengajaran Rukun Negara dalam kursus Pengajian Malaysia ?

## HIPOTESIS

Tidak terdapat hubungan diantara kefahaman kepentingan Rukun Negara dengan pengajaran Rukun Negara dalam kursus Pengajian Malaysia.

## SOROTAN KARYA

Kajian kursus Pengajian Malaysia banyak berkisar tentang topik dalam kandungan kursusnya seperti Perlembagaan sama ada daripada aspek peruntukan utama yang melibatkan perbincangan tentang Malaysia sebagai negara Persekutuan, Raja Berperlembagaan mahupun Demokrasi Berparlimen serta isu dan cabaran dalam Peruntukan Istimewa yang antara lain berkisar tentang Hak Istimewa Melayu dan Bumiputera. Pada 2018, Marshelayanti Mohamad Razali ada membuat kajian melibatkan kursus Pengajian Malaysia berkaitan sub tajuk proses politik iaitu pilihan raya yang bertajuk Persepsi Mahasiswa Pengajian Malaysia terhadap Pilihan Raya Umum ke-14 yang mendapati bahawa bagi sumber bercetak, akhbar harian perdana merupakan sumber utama manakala bagi sumber elektronik pula, laman sosial adalah sumber utama bagi pencarian maklumat politik dan secara keseluruhannya, mahasiswa UPSI menjangkakan Barisan Nasional (BN) akan menang pada PRU ke-14. Kajian tersebut ternyata tidak berkaitan dengan konsep Rukun Negara. Jelaslah amat sedikit kajian yang dilakukan tentang hubungan kursus Pengajian Malaysia dengan konsep Rukun Negara misikipun kursus Pengajian Malaysia antara kursus Modul Wajib yang diambil oleh semua pelajar sebelum menamatkan pengajian sebelum kembali berkhidmat kepada masyarakat. Walhal pembinaan negara bangsa Malaysia bukan sahaja didominasikan oleh kemajuan pembangunan dan ketenteraan malah turut didukung oleh sektor pendidikan. Menurut Mohamad Rodzi Abd Razak (2009) sejarah dan pendidikan berupaya menjadi alat bagi mencapai matlamat membentuk bangsa Malaysia yang mempunyai jati diri dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara.

Menurut Yahaya (1978) Rukun Negara merupakan pegangan dan panduan untuk menyatukan rakyat dengan menyuarakan tanggapan, kepercayaan, dan keazaman mengenai bangsa Malaysia. Namun, kita masih berhadapan dengan isu tindakan biadap segelintir warganegara yang melakukan provokasi mahu menukar Jalur Gemilang, memijak gambar Perdana Menteri serta memaki hamun pemimpin negara pada satu perhimpunan di Datarana Merdeka (Sinar Harian,2012) dan terkini menurut Mohammad Fakhruzzai Mohd Rashid (2017) pelbagai ancaman datang bersilih ganti hasil gerakan golongan ekstrimisme yang selalunya digandingkan dengan babit-babit keganasan terutamanya dalam ruang politik dan agama sehingga menyebabkan kehilangan nyawa. Justeru, walaupun kita mengejar arus kemajuan namun, Rukun Negara perlu sentiasa dihayati oleh rakyat kerana pembentukannya adalah dengan mengikut acuan masyarakat Malaysia dan benarlah bahawa Rukun Negara memperkuuhkan ketahanan dan keamanan Negara. (Abdul Rahman Abdul Aziz, 2016) Hasilnya, Malaysia naik empat tangga dalam Indeks Keamanan Global [IKG] 2018 dengan menduduki kedudukan ke-25 berbanding ke-29 pada tahun 2017 (Laporan Institut Ekonomi dan Keamanan [IEP] yang berpangkalan di Sydney, Australia). Menurut Imran Shamsunahar (2018) seorang Penganalisa Keselamatan menjelaskan bahawa prestasi Malaysia yang meningkat kedudukannya merupakan sesuatu yang mengejutkan kerana adanya faktor ketegangan politik dan pemerintahan bersifat ‘kukubesi’ (autoritarianisme) sebelum pilihanraya umum Mac 2018. Menurutnya lagi “Indeks itu juga mungkin menunjukkan bahawa pihak berkuasa di Malaysia telah menjalankan tugas dengan cemerlang dalam menangani masalah keselamatan dan sudah pun terbukti melalui kejayaan yang terdahulu

malah peningkatan tersebut mungkin juga disebabkan kerana Malaysia telah memperbaiki beberapa aspek seperti hubungan dengan negara lain dan pengurangan perbelanjaan ketenteraan serta adanya kerajaan baharu yang lebih popular dan telah berjanji untuk menangani masalah rasuah dan ketidaksamarataan dalam usaha melahirkan modal insan yang berminda dan berwawasan kelas pertama. Usaha melahirkan modal insan kelas pertama ini juga ada dijelaskan dalam kajian oleh Lee, Yok Fee (2008) bertajuk Rukun Negara teras pembinaan modal insan: satu komentar yang mencadangkan agar ideologi negara, iaitu Rukun Negara dijadikan teras pembinaan modal insan oleh semua pihak. Jelaslah bahawa kepentingan pemahaman Rukun Negara dapat mewujudkan sebuah negara yang rakyatnya bersatu padu dan dapat mewujudkan sikap liberal terhadap kebudayaan yang berbeza. Rukun Negara merupakan ideologi yang dikongsi semua rakyat Malaysia dan mampu mewujudkan dan membina masyarakat yang demokratik, progresif dengan sains dan teknologi.

Bagi memperkuuhkan perpaduan nasional dalam kalangan pelajar universiti, satu kajian telah dilakukan mengenai persepsi, penghayatan dan pemahaman pelajar terhadap konsep Rukun Negara melalui pengajaran kursus Pengajian Malaysia di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS). Kursus Pengajian Malaysia ini merupakan kursus yang diwajibkan untuk setiap pelajar pada peringkat universiti. Justeru, melalui penawaran kursus Pengajian Malaysia di UniSHAMS yang majoritinya berbangsa Melayu diharap dapat membantu golongan pelajar untuk lebih mengetahui tentang sejarah Malaysia dan memahaminya dengan lebih mendalam kerana menurut Rohaizahtulamni Radzlan (2013) dalam kajiannya mendapatkan bahawa belia Melayu lebih memahami serta menghayati Rukun Negara berbanding kaum lain dan secara umumnya menunjukkan bahawa tahap pemahaman belia adalah tinggi. Walau bagaimanapun, tahap penghayatan terhadap Rukun Negara dalam kalangan belia masih berada pada tahap sederhana.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif melalui soal selidik bagi mendapatkan maklumat daripada pelajar Pengajian Islam UniSHAMS. Seramai 100 orang pelajar Pengajian Islam yang terlibat dalam soal selidik ini sebagai responden kajian. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrument kajian iaitu soal selidik. Semua perolehan data dianalisis dan diterangkan secara diskriptif. Populasi kajian terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus Pengajian Malaysia yang melibatkan 100 sampel. Data yang dikumpul dan diproses menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS) versi 25.

Kajian ini dijalankan oleh penyelidik tenaga pengajar kursus Pengajian Malaysia. Kajian ini melibatkan pelajar yang berlatarkan kepelbagaiannya bidang program Pengajian Islam dan diambil daripada demografi yang pelbagai iaitu jantina, umur, tempat kelahiran, tahap pendidikan, kuliyyah dan tahun pengajian. Instrumen kajian ialah soal selidik yang mempunyai lima bahagian. Bahagian A bertujuan mendapatkan demografi pelajar. Bahagian B bertujuan mengkaji tahap persepsi, pemahaman dan penghayatan konsep negara yang mengandungi 30 item. Item 1 hingga 9 merupakan pengukuran daripada aspek kepentingan pemahaman Rukun Negara. Manakala item 10 hingga 17 adalah daripada aspek pengajaran Rukun Negara dalam kursus Pengajian Malaysia. Item 18 hingga 22 daripada aspek penghayatan Rukun Negara. Item 23 hingga 30 merupakan item terakhir yang mencari cara terbaik mendorong mahasiswa menghayati Rukun Negara. Pemarkahan item yang digunakan ialah permarkahan 1 hingga 30 berpandukan skala seperti 1 = tidak benar sama sekali, 2 = kebanyakannya tidak benar, 3 = agak tidak benar, 4 = tidak boleh dikatakan benar atau salah, 5 = agak benar, 6 = kebanyakannya benar dan 7 = memang benar sekali.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### *Profil Demografi*

Seramai 100 pelajar terlibat dalam kajian ini di mana bilangan responden lelaki adalah seramai 29 orang (29%) dan 71 orang (71.0%) adalah responden perempuan (Jadual 1). Majoriti responden (91%) berumur antara 21 - 25 tahun (Jadual 2) dan hampir separuh dari responen (45.0%) berasal dari negeri Kedah berbanding negeri-negeri lain (Jadual 3).

Jadual 1  
Profil Responden

	Frekuensi	Peratus
Lelaki	29	29.0
Perempuan	71	71.0

Jadual 2  
Profil Responden mengikut Kategori Umur

	Frekuensi	Peratus
18 - 20 tahun	1	1.0
21 - 25 tahun	91	91.0
26 - 30 tahun	8	8.0

Jadual 3  
Negeri kelahiran Responden

	Frekuensi	Peratus
Kedah	45	45.0
Pahang	6	6.0
Kelantan	19	19.0
Perak	6	6.0
Sabah	1	1.0
Hatyai	1	1.0
Perlis	4	4.0
Johor	3	3.0
Negeri Sembilan	2	2.0
Pulau Pinang	4	4.0
Sarawak	2	2.0
Selangor	3	3.0
Terengganu	3	3.0
Kuala Lumpur	1	1.0
Total	100	100.0

Majoriti responden (97%) adalah daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda (Jadual 4) di mana 50% dari Kulliyyah Bahasa Arab diikuti oleh Syariah (38%) dan Kulliyyah Usuluddin dan Sains Al-Quran (12%) (Jadual 5), manakala majoriti responden berada di tahun tiga dan tahun empat pengajian (Jadual 6).

Jadual 4

Tahap pendidikan responden

	Frekuensi	Peratus
Asasi	2	2.0
Diploma	1	1.0
Ijazah	97	97.0

Jadual 5

Latarbelakang Kulliyyah Responden

	Frekuensi	Peratus
Bahasa Arab	50	50.0
Syariah	38	38.0
Usuluddin Dan Sains Al-Quran	12	12.0

Jadual 6

Tahun pengajian Responden

	Frekuensi	Peratus
Tahun 1	1	1.0
Tahun 2	3	3.0
Tahun 3	53	53.0
Tahun 4	43	43.0

## **TAHAP PENGHAYATAN RUKUN NEGARA**

Analisis min telah dijalankan untuk menjawab soalan kajian yang pertama iaitu untuk mengetahui tahap penghayatan Rukun Negara dalam kalangan mahasiswa. Berdasarkan analisis min (Jadual 7), didapati bahawa tahap penghayatan Rukun Negara dalam kalangan responden adalah tinggi ( $min=5.93$ ,  $SP=.71$ ) dan dapatan ini berbeza dengan kajian Rohaizahtulamni Radzlan (2013) yang mendapati tahap penghayatan terhadap Rukun Negara dalam kalangan belia berada pada tahap sederhana. Pengkaji percaya faktor institusi pendidikan berteraskan Islam dengan latar bangsa yang sama secara tidak langsung menunjukkan tahap penghayatan Rukun Negara adalah tinggi demi memastikan bangsa Malaysia lebih bersatu padu dengan membentuk jati diri nasional dan tamadun Malaysia yang unggul.

Jadual 7

Statistik tahap penghayatan Rukun Negara.

	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai persamaan deskriptif min (skala 5)
Tahap penghayatan Rukun Negara	100	5.93	.71	Tinggi

## **CARA TERBAIK UNTUK MENGHAYATI RUKUN NEGARA**

Jadual 8 menunjukkan diskriptif statistik untuk menjawab soalan kajian yang kedua iaitu cara terbaik untuk mendorong rakyat Malaysia menghayati Rukun Negara. Terdapat tiga faktor paling tinggi sekali yang memberi peranan untuk mendorong kita sebagai rakyat Malaysia untuk menghayati Rukun Negara.

Faktor pertama ialah peranan kerajaan mengambil inisiatif seperti menganjurkan program yang bertemakan Rukun Negara ( $\text{min}=6.12$ ,  $\text{SP}=.92$ ). Hal ini disokong oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim iaitu antara sarjana yang terlibat merangka dan menjadi penulis lima prinsip Rukun Negara sebagai pegangan dan asas penyatuan rakyat berbilang kaum di negara ini selepas tragedi berdarah 13 Mei 1969 yang menegaskan bahawa kerajaan wajar memperkasakan semula Rukun Negara yang menjadi pengikat perpaduan kaum kerana prinsip Rukun Negara itu wajib diamalkan bagi membina sebuah negara bangsa yang berdaulat dan disegani (Mingguan Malaysia. 2018).

Faktor yang kedua ialah peranan masyarakat setempat mengadakan kempen kesedaran untuk menanamkan dan menghayati prinsip Rukun Negara dalam diri setiap individu ( $\text{min}=6.09$ ,  $\text{SP}=.87$ ). Faktor yang ketiga ialah peranan media masa yang mempromosikan hal-hal berkaitan kenegaraan dan Rukun Negara ( $\text{min}=6.08$ ,  $\text{SP}=.88$ ).

#### Jadual 8

Diskriptif statistik tentang cara terbaik mendorong rakyat Malaysia menghayati Rukun Negara.

	Min	Sisihan Piawai
Peranan kerajaan mengambil inisiatif seperti menganjurkan program yang bertemakan Rukun Negara	6.12	.924
Peranan kerajaan dan masyarakat setempat mengadakan kempen kesedaran untuk menanamkan dan menghayati prinsip Rukun Negara dalam diri setiap individu	6.09	.866
Peranan Media Massa yang mempromosikan hal-hal berkaitan kenegaraan dan rukun negara	6.08	.884
Peranan sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi melalui penerapan prinsip Rukun Negara dalam matapelajaran Pendidikan Sivik dan Pendidikan Moral	6.04	.887
Peranan ibubapa yang memberikan galakan kepada anak-anak agar terlibat dalam program kenegaraan	5.89	.920
Peranan diri sendiri yang prihatin terhadap isu-isu kenegaraan	5.82	.999
Peranan Kerajaan melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan	5.76	.986
Peranan Institusi melalui pengajuran pelbagai program kenegaraan	5.75	.968

#### **PERKAITAN ANTARA KEPENTINGAN KEFAHAMAN RUKUN NEGARA DENGAN PENGHAYATAN RUKUN NEGARA DALAM KURSUS PENGAJIAN MALAYSIA**

Bagi menjawab soalan Kajian ketiga iaitu adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kepentingan kefahaman Rukun Negara dengan penghayatan Rukun Negara dalam kursus Pengajian Malaysia, analisis korelasi Pearson telah dijalankan. Hipotesis nol ( $H_0$ ) kajian adalah seperti berikut:

*Ho: Tidak terdapat hubungan antara kepentingan kefahaman Rukun Negara dengan penghayatan Rukun Negara dalam kursus Pengajian Malaysia.*

Untuk mengukur hubungan antara pembolehubah kepentingan kefahaman Rukun Negara dengan penghayatan Rukun Negara dalam kursus Pengajian Malaysia, kekuatan hubungan ( $r$ ) adalah merujuk kepada Jadual 9 seperti berikut.

Jadual 9

Kekuatan korelasi (r)

Saiz pekali korelasi ( $r$ )	Kekuatan korelasi
$\pm 0.91 - 1.00$	Sangat kuat / sangat tinggi
$\pm 0.71$ hingga .90	Kuat / tinggi
$\pm 0.51$ hingga .70	Sederhana
$\pm 0.31$ hingga .50	Lemah / rendah
$\pm 0.01$ hingga .30	Sangat lemah / sangat rendah
0	Tiada hubungan

Kajian mendapati hubungan bagi dua pembolehubah iaitu kepentingan pemahaman Rukun Negara dan pengajaran adalah kecil ( $r=0.455$ ,  $p=.000$ ) (Jadual 10). Dapatkan kajian adalah signifikan secara statistik ( $p<0.05$ ), maka hipotesis nol ditolak yang bermaksud terdapat hubungan antara kepentingan pemahaman Rukun Negara dengan pengajaran Rukun Negara dalam kursus Pengajian Malaysia.

Walau bagaimanapun, kekuatan hubungan antara dua pembolehubah tersebut adalah kecil. Secara tidak langsung penyelidik percaya bahawa sektor pendidikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran masih relevan untuk menjadi alat mengukuhkan perpaduan. Hal ini juga selaras dengan pandangan Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim yang berpendapat apabila sekolah tidak menitikberatkan sejarah, maka semangat patriotik tidak ada dalam kalangan orang muda sehingga bertindak dan berfikiran ekstrim sehingga menghancurkan perpaduan. Walhal dalam surah Al-Hujurat ayat 49 Allah swt. menyebut tentang pentingnya komunikasi dan persaudaraan sesama manusia yang berbilang bangsa. Jelaslah Rukun Negara dapat menjadi wadah tarbiyah kepada pemimpin dan rakyat Malaysia supaya menolak pemikiran ekstrimis politik dan agama demi kestabilan negara terjamin melangkaui perbezaan fahaman kepartian dan agama (Mohammad Fakhruzzai Mohd Rashid, 2017)

Jadual 10

Hubungan antara kepentingan pemahaman Rukun Negara dengan pengajaran Rukun Negara dalam kursus Pengajian Malaysia.

		Kepentingan pemahaman Rukun Negara	Pengajaran Rukun Negara dalam kursus Pengjian Malaysia.
Kepentingan pemahaman Rukun Negara	Pearson Correlation	1	.455**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	100	100
Pengajaran Rukun Negara dalam kursus Pengajian Malaysia.	Pearson Correlation	.455**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	100	100

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

## KESIMPULAN

Terdapat implikasi positif kajian ini apabila menunjukkan pencapaian persepsi yang baik dalam diri mahasiswa UniSHAMS dalam konsep Rukun Negara melalui pengajaran kursus Pengajian Malaysia dengan memahami kepentingan penghayatan dan persepsi mahasiswa terhadap konsep Rukun Negara.

Kajian ini adalah lanjutan pengenalan kursus Pengajian Malaysia sebagai Modul Wajib Universiti yang secara tidak langsung berjaya merealisasikan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang berhasrat melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja. Memandangkan kajian ini hanya memilih konsep Rukun Negara, yang mana pengkaji percaya konsep tersebut bersesuaian dengan fokus kumpulan pelajar yang mengikuti kursus Pengajian Malaysia maka pengkaji mencadangkan kajian penyelidikan yang melibatkan keseluruhan Modul Wajib dapat dijalankan. Selain itu, dapatan diskriptif statistik tentang cara terbaik mendorong rakyat Malaysia menghayati Rukun Negara yang menjadi tanggungjawab kerajaan, komuniti setempat dan media massa juga memerlukan kajian lanjut bagi membuktikan bahawa faktor diri sendiri juga memainkan peranan penting dalam usaha menghayati Rukun Negara.

Akhirnya, diharapkan hasil kajian ini dapat membantu tenaga pengajar khususnya yang mengajar kursus Pengajian Malaysia di IPT terus berusaha menerapkan konsep Rukun Negara yang begitu mustahak untuk rakyat Malaysia kembali berpegang kepada Rukun Negara sebagai amalan dan panduan kenegaraan demi kepentingan negara sesuai dengan konotasi “rukun” iaitu sesuatu yang wajib dipatuhi dan dilaksanakan. Tenaga pengajar juga perlu meneruskan aplikasi perlaksanaan aktiviti atau program berbentuk kajian lapangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus Pengajian Malaysia bagi mendokong tujuan atau menepati makna seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Abdul Aziz [Online]: <http://repo.uum.edu.my/3186/1/S22.pdf> akses pada 10 Oktober 2018
- Ahmad Zahiruddin Sani (2009). Rukun Negara Dicipta Perpaduan Digapai Membina Bangsa Malaysia: Integrasi Nasional, 4:469-480.
- Anizyn (2010). Rukun Negara sebagai etika,falsafah dan ideologi. [Online] <https://anizyn.blogspot.com> akses pada 10 Oktober 2018
- Berita Harian (7 Januari 2019) [Online]: <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/01/516954/rukun-negara-bukan-sekadar-dihafal> akses pada 10 Oktober 2018
- Hadijah Johari dan Anas Suzastri Ahmad. (2019). *Pengajian Malaysia*. Kedah : Asa Mesra Printer
- Marshelayanti Mohamad Razali, Siti Nor Adila Ayob. PERSPEKTIF Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan (Volume 10, Special Issue, 2018, Pages 33 to 40)
- Mingguan Malaysia [Online]: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/perkasakan-rukun-negara-1.691553> akses pada 10 Oktober 2018
- Mohammad Fakhrurrazi Mohd Rashid [Online]: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2017/03/05/rukun-negara-ideologi-tangkis-ekstremisme/> akses pada 10 Oktober 2018
- Rohaizahtulamni Radzlan,Sarjit S. Gill dan Ahmad Tarmizi Talib. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (Malaysian Journal of Youth Studies).
- Sinar Harian (2012, September 2). KDN Segara Tangani Isu Jalur Gemilang,Pijak Gambar PM. [Online]: <https://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/kdn-segera-tangani-isu-jalur-gemilang-pijak-gambar-pm> akses pada 10 Oktober 2018
- Sinar Harian ( 11 Januari 2019) Baca sejarah, fahami Rukun Negara [Online]: <https://www.sinarharian.com.my/article/6904/EDISI/Utara/Baca-sejarah-fahami-Rukun-Negara> akses pada 10 Oktober 2018
- Siti Norayu Mohd Basir,Juinainor Hassan,Shuhairimi Abdullah dan Hasad Hassan (2014). Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Subjek Hubungan Etnik:Kajian kes di Universiti Malaysia Perlis. Journal of Human Development and Communication Volume 3 (Special Issue) (2014) (67-79)
- Utusan Online [Online]: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/rukun-negara-masih-terus-relevan-1.546906> akses pada 10 Oktober 2018
- Yahaya, H (1978). Malaysia : Nilai Politik dan Budaya. Kuala Lumpur : Dinamika Kreatif.
- Zam Yusa [Online]: <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-iep-keamanan-180608-06082018174018.html> akses pada 10 Oktober 2018